Diterima dan direkodkan pada 3/7/99
Tandatangan
UNIT KLRC
3/8/99
Hakmilik Pustaka Peringatan Kuala Lumpur
PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL

# warta DBKL

ISSN 0128 - 1194 JAN-FEB 1999
NASKHAH PERCUMA

## KE ARAH PEMULIHAN EKONOMI

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)akan membelanjakan sebanyak RM1.171 bilion, iaitu sebanyak RM636.2 juta (54.35%) untuk perbelanjaan mengurus dan RM534.40 juta (45.65%) perbelanjaan pembangunan. Pendapatan DBKL dianggarkan sebanyak RM1.107 bilion berbanding dengan perbelanjaan sebanyak RM2.271 bilion.



*Kuala Lumpur lebih kukuh menjelang alaf baru*

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff ketika membentangkan ucapan Belanjawan DBKL bagi tahun 1999 memberitahu jumlah perbelanjaan tersebut merupakan defisit sebanyak RM64.19 juta.

*bersambung di muka surat 32*

### KHABAR SEMASA



| | |
|---|---|
| *Kuala Lumpur terus membangun* | 4 - 5 |
| *Masjid RM 5 juta* | 6 |
| *Penjaja Pasar malam Kena Peka* | 7 - 8 |
| *Kafe Siber* | 9 - 10 |
| *Pasar Terbuka Wirawati* | 11 - 12 |



## EHYAK RAMADHAN

Majlis Berbuka Puasa bersama Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff telah di adakan. Aktiviti tahunan itu bertujuan mengeratkan silaturahim antara pegawai dengan kakitangan Islam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Bacaan Quran membuka majlis berkenaan sebelum azan. Tetamu yang hadir telah bersolat Magrib dan kemudiannya disajikan dengan makan malam diikuti dengan membaca yassin dan bertahlil sebelum bersolat Isyak dan Tarawih berjemaah. Morih disediakan selepas Tarawih kemudiannya. Antara tetamu yang hadir ialah bekas Datuk Bandar Kuala Lumpur Tan Sri Elyas Omar dan Tan Sri Dato' Mazlan Ahmad disamping pegawai dan kakitangan DBKL .



*Bersedia menjamu selera*

### WARTA MENARIK



* Kearah Pemulihan Ekonomi
* Ehyak Ramadhan
* Jubli Perak Wilayah Persekutuan
* Menteri Melawat DBKL

PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR KOLEKSI DIGITAL

# LEMBAGA PENASIHAT BANDAR RAYA KUALA LUMPUR 1999-2001

**Pengerusi**
Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Bin Shariff
Datuk Bandar Kuala Lumpur

**Ahli-Ahli**
Encik Mohamad Ghazali Bin Hj. Yahya
Datuk Rizuan Bin Abd Hamid
Dato' Lee Lam Thye
Dato' Zainal Abidin Bin Hj. Noordin
Dr. Thambirajah a/l Muniandy
Tuan Hj. Abd Hamid Bin Hamat
Encik Yew Teong Look
Datuk Dr. Hj. Azman Atar Bin Othman
Tuan Syed Ali Al Habshee Bin Dato' Syed Abbas Al Habshee
Dr. Sua Chong Keh
Encik Ng Lip Yong @ Ng Lip Sat
Dato' Dr. Hj. Mohamed Ishak Bin Hj. Mohamed Ariff

**TAMAT TEMPOH PERKHIDMATAN**

Encik Zakaria Bin Salleh
Encik Idris Bin Zakaria
Dato' Dr. Mir Shahariman Bin Mir Shaharuddin
Encik Chong Toh Chin
Dr. M. Jayaraman
Dr. Lee Chong Meng
Encik Ahmad Bin Said



*Lembaga Penasihat Bandar Raya Kuala Lumpur*

Diterima dan direkodkan pada 1/5/99
Tandatangan

ISSN 0128 -1194 JAN - FEB

Hakmilik
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
(Pustaka Peringatan Kuala Lumpur)
KOLEKSI DIGITAL PERPUSTAKAAN KUALA LUMPUR

# DARI MEJA EDITOR



Alaf baru (tahun 2000) merupakan kemuncak gelodakan teknologi maklumat. Ia bermula agak perlahan pada awal tahun 80an. Sedikit rancak di sekitar tahun 90an. Ia dijangka menjadi satu yang mesti di permulaan tahun 2000. Pakar-pakar teknologi telah mula dan sedang menggembleng tenaga, ide dan pemikiran ke arah pelaksanaan globalisasi (persejagatan dunia).

Istilah seperti kad pintar *(Smart Card)*, sekolah pintar *(Smart School)*, perkongsian pintar (Smart Partnership) yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri dalam wawasannya mula diperkenalkan dan akan terus dilaksanakan. Teknologi komputer sentiasa dipertingkat dan dipermodenkan bagi memasuki era tanpa sempadan. *Internet, home page* dan sebagainya mendekatkan kita dengan dunia luar. Pengetahuan, ilmu dan sumber maklumat datang di depan mata hanya dengan menekan jari sahaja. Siang malam seolah-olah tiada beza.

Jadi di mana peranan kita sebagai pekerja Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi menyahut cabaran alaf baru terutama pengisian dari segi ilmu teknologi maklumat? Apa yang harus ada pada kita? Kita bagi menjadi benteng menahan unsur-unsur negatif, terbawa bersama ledakan teknologi maklumat ini. Jika tidak memanfaatkan kebaikan teknologi ini bererti kita ketinggalan, jika kita seiring dan boleh mengambil manfaat dari teknologi ini, bererti kita bersama ke arah kemajuan pemodenan serta pentadbiran DBKL. Kita perlu mempunyai kepakaran dan kekuatan, menapis unsur-unsur negatif yang ada dalam teknologi terkini. Jika tidak, kita berada di ambang bahaya.

Penasihat:
Mohd Yusof Bin Ibrahim

Editor:
Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor :
Zainon Bt. Hj. Alias

Jurufoto :
Mubarak Bin Mohd Atan
Abdul Rani Bin Mohd Sohor
Md. Ismail Bin Isnin
Nik Rozali Bin Nik Othman

Edaran:
Ramlan Bin Salleh

**Alamat Editor**
Warta DBKL, Bahagian Hal Ehwal Awam,
Jabatan Pengurusan Organisasi,
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Atau berhubung dengan
**Puan Zainon Bt. Hj. Alias**
Tel: 03-2916011 samb.3855
Faks: 03-2980460

**PERHATIAN**
Semua pendapat dan buah fikiran dalamWarta DBKL tidak semestinya pendapat rasmi Pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

**Cetakan**
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Jalan Chan Sow Lin 50554
Kuala Lumpur

*Homepage DBKL: http://www.tm.net.my/dbkl/*
*E-Mail: dbkl_pro@tm.net.my*